

# ♦ SEKILAS INFO ♦

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO

## Road to UNIMAS Strategic Plan 2026-2030




**“ Strategic Planning is a process, not a product**

### Pre -Workshop: Perancangan Strategik UNIMAS

**Kota Samarahan-** Selaras dengan persediaan Universiti untuk merangka perancangan strategik dan halatuju UNIMAS agar terus relevan dan meneruskan kecemerlangan sebagai sebuah Universiti ulung di rantau ini, Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030 akan dibangunkan dengan penubuhan Jawatankuasa yang akan menentukan landasan dan perancangan strategik UNIMAS untuk tempoh 2026-2030. Pra Bengkel ini tertumpu kepada cadangan penetapan Fokus Strategik UNIMAS dan pelantikan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja bagi setiap Fokus Strategik yang dibentuk.

# QUALITY EXCELLENCE STARTS HERE: YOUR GUIDE TO ISO 9001

SIRIM Academy telah menganjurkan webinar percuma bagi memperkenalkan dunia ISO 9001 dan penerokaan bagaimana ia boleh mengubah perniagaan atau sesebuah organisasi pada 13 Mei 2024 secara atas talian. Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko UNIMAS, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman telah dijemput sebagai penceramah jemputan untuk sesi webinar pada kali ini. Beliau telah berkongsi pengalaman langsung beliau dalam melaksanakan ISO 9001 dengan jayanya di UNIMAS.



The screenshot shows a video conference interface with a grid of 15 participant thumbnails. The thumbnails are arranged in three rows of five. The top row includes names: ALHAZIZ BIN KAMAL, NUR HAZWANI BINTI AHMAD, and two others whose names are partially visible. The middle row includes names: Nurul Eiga Nordin, ZAHIDAH BINTI MOHD ABDULLAH, and two others. The bottom row includes names: WENHUAI SONG (translated as Ahmad), DAYANG ZULIANA BINTI ABANG ABDUL RAHMAN, KOLIN BINTI HAMID, and Eusofar bin Abdul Latip Edmond. The interface shows a timestamp of 01:00:32 and a 'LIVE 100%' indicator.



The promotional banner features a dark blue background with circular light effects. It includes the text: "Free Webinar", "SIRIM ACADEMY", "QUALITY EXCELLENCE STARTS HERE: YOUR GUIDE TO ISO 9001", "13 MAY 2024", and a QR code with the text "Register Now". The SIRIM logo is at the bottom right.

. Antara agenda yang telah dibincangkan adalah seperti Pengenalan kepada Konsep dan Prinsip ISO 9001 di mana semua peserta dikenalkan dengan konsep dan prinsip asas yang menyokong ISO 9001 dalam meningkatkan sistem pengurusan kualiti.

Selain daripada itu, peserta juga didedahkan tentang kepentingan dan faedah Pensijilan ISO 9001 dan kesedaran tentang kepentingan pensijilan ISO 9001 untuk perniagaan dan organisasi. Ini termasuk pendedahan kepada navigasi Proses Pensijilan untuk perjalanan langkah demi langkah ke arah pensijilan ISO 9001 serta peringkat dan keperluan terutamanya dalam ketersediaan dokumen di peringkat Pusat Tanggungjawab yang akan dipersijilkan.



The slide displays the webinar schedule:


TIME	ACTIVITY	PRESENTER
9:00-9:10	Opening Remark	Tn. Nik Sazali Nik Hussin CEO SIRIM Academy
9:10-9:55	Topic 1: ISO 9001 Unleashed: Your Pathway to Quality Excellence	Pn. Nur Hazwani Ahmad Consultant, SIRIM Academy
9:55-10:00	Break	
10:00-10:45	Topic 2: Streamlining Operations & Enhancing Documentation: A Success Story of ISO 9001 Implementation	Pn. Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman Penolong Pendaftar Kanan bahagian Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko UNIMAS (Universiti Malaysia Sarawak)
10:45-11:00	Q&A Session	
11:00	End of Webinar	

Contact Us: Alhardy | 010-2022620 | alhardy@sirim.my

SIRIM Logo



## HANDS ON RISK REGISTER



**Kota Kinabalu-** Pusat Jaminan Kualiti, Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan Persidangan Jaminan Kualiti 2024 pada 28 hingga 29 Mei 2024 bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah. Penolong Pendaftar Kanan Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman telah hadir ke persidangan bersama Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Jaminan Kualiti Akademik UNIMAS. Skop persidangan ini meliputi kualiti akademik dan perkhidmatan dengan tema “Kecemerlangan Kualiti Memacu Prestasi Organisasi”.

**Kota Samarahan-** Hands On Risk Register antara program peningkatan kompetensi Pengurus Risiko Pusat Tanggungjawab (PTj) yang dianjurkan secara berkala oleh Unit Pengurusan Risiko, Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko, UNIMAS. Pengajuran pada kali ini mensasarkan Pengurus Risiko dan staf yang baru dilantik dan diberikan tanggungjawab untuk menyelaras pengurusan risiko di Pusat Tanggungjawab masing-masing. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan berhubung Dasar dan Tatacara Pengurusan Risiko Universiti serta aplikasi sistem. Ianya telah diadakan pada 24 Mei 2024 bertempat di Boot Camp, TAHODC. Seramai sepuluh orang peserta telah menyertai bengkel pada kali ini di mana peserta berpeluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan risiko termasuk penggunaan sistem SQRC Online dan SPeeD.



PERSIDANGAN  
JAMINAN  
KUALITI 2024

# MESYUARAT KERJA PENAMBAHBAIKAN KAE DAH PEMBERSIHAN DAN PENGHANTARAN DATA SISTEM MYMOHES UNIVERSITI AWAM



**Kuala Terengganu-** Telah berlangsungnya Mesyuarat Kerja Penambahbaikan Kaedah Pembersihan dan Penghantaran Data bagi Sistem MyMoheS Universiti Awam yang dihoskan oleh Universiti Malaysia Terengganu pada 28-29 Mei 2024.

Pihak Kementerian sedang dalam usaha melaksanakan proses semakan dan pembersihan data di dalam Sistem MyMoheS melalui kaedah Application Programming Interface (API). Perbincangan awal di peringkat pra pelaksanaan API bersama UA terpilih yang telah diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 18 Oktober 2023 mendapati kaedah tersebut adalah bersesuaian untuk semakan dan pembersihan data khususnya di peringkat sumber semasa penghantaran data dilaksanakan.

Justeru itu, pihak KPT bercadang untuk memperluas kaedah penghantaran data menggunakan API kepada semua UA pada masa akan datang sejajar dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa. Setiap Universiti Awam akan melaksanakan kaedah penghantaran data secara API terutama bagi modul pelajar dan staf pada penghantaran data akan datang.

## SOROTAN AKTIVITI




UNIMAS | STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Hands On Risk Register

Friday, 24 May 2024  
9.00 am - 4.00 pm  
Boot Camp, Level 1, TAHODC

<https://www.sqrc.unimas.my/>



## PROGRAM SQRC MEI 2024

Bil	Perkara	Tarikh
1.	THE Rankings Masterclass: Focus on Malaysia	2 Mei 2024
2.	Taklimat Pemurnian dan Pengemaskinan Data Pelaporan Suku Pertama Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024	2 Mei 2024
3.	Sesi Perbincangan Road to SP 2026-2030 bersama UC	7 Mei 2024
4.	Mesyuarat Post Mortem Submission Data MyMoHeS Menggunakan API di TAHODC	8 Mei 2024
5.	Sesi Perbincangan Pelan Tindakan SQRC untuk Road to SP 2026-2030	13 Mei 2024
6.	Webinar Quality Excellence Starts Here: Your Guide to ISO 9001	13 Mei 2024
7.	OB Training SQL-MySQL for Analytics and BI di TAHODC	20-23 Mei 2024
8.	Hands On Risk Register	24 Mei 2024
9.	Bengkel Kaedah API MyMoHeS di UMT	27-30 Mei 2024
10.	Persidangan Jaminan Kualiti 2024, Kota Kinabalu, Sabah	27-29 Mei 2024
11.	Program Pre A-STAR (Gred 41) Bilik Serindit, DeTAR Putra	28 Mei 2024
12.	Mesyuarat Jawatankuasa Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Fokus 5 Ekosistem dan Pemboleh Daya	29 Mei 2024



## PENGURUSAN & PENTADBIRAN

**Pengarah**, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Lee Nung Kion | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu & Puan Dayang Zuliana Abang Abd Rahman | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

